

Cheatography

KONTRAK MUSAQAH Cheat Sheet

by MUHAMMAD MURSYIDDIN via cheatography.com/123567/cs/23309/

PENDAHULUAN

Wakaf merupakan instrumen terpenting selepas zakat dalam menggerakkan sumbernya ke arah pembangunan sosial ekonomi umat Islam secara amnya. Namun demikian, institusi wakaf di Malaysia tidak sepatutnya menjadikan harta wakaf sebagai sumber simpanan dan ianya perlu digerakkan demi mencapai matlamat asas wakaf itu sendiri. Dalam konteks ini, kontrak musaqah adalah satu alternatif yang perlu diketengahkan dalam membangunkan tanah wakaf terbiar untuk projek pertanian yang boleh menjana keuntungan yang berpanjangan dan lumayan.

TAKRIF WAKAF

- Terdapat pelbagai takrif yang dikemukakan oleh beberapa ulama. Antaranya ialah Imam Syafi'i, Imam Nawawi, Imam Syarbini dan Imam Ramli, Imam Sarkhasi dari Mazhab Hanafi serta Muhammad Hasan dan Abu Yusuf.
- Berdasarkan kepada semua takrifan yang dikemukakan, jelas menunjukkan bahawa waqaf ini adalah tertahan dari sudut pemilikannya dan manfaatnya boleh dinikmati bersama demi membangunkan sosial dan ekonomi umat Islam secara amnya.

HAL BERBANGKIT TENTANG HARTA WAKAF

- Masih terdapat banyak harta-harta wakaf yang gagal dibangunkan demi kepentingan umat Islam.
- Matlamat para pewakaf juga masih belum lagi tercapai.

HAL BERBANGKIT TENTANG HARTA WAKAF (cont)

- Keadaan umat Islam yang miskin masih terjejas.

PENYELESAIAN MASALAH PENGURUSAN HARTA WAKAF

Implementasi Kontrak Musaqah

MUSAQAH

DEFINISI :

- Bahasa : Saling menyiram
- Syara' : Satu kontrak penyerahan tanaman kepada orang yang menjaga dan memelihara tanaman dengan agihan hasil atau ianya merupakan satu kontrak kerja berdasarkan hasil tanaman.

HUKUM MUSAQAH MENURUT ULAMA'

- Harus : Majoriti Ulama iaitu Imam Malik, al-Syafi'e, al-Tsauri, Abu Yusuf, Muhammad Bin Hassan, Ahmad dan Daud.
- Tidak diperbolehkan sama sekali : Abu Hanifah dan Zufar.

SUMBER ISTINBAT HUKUM PARA ULAMA

- Tidak diperbolehkan
Harus sama sekali :
:

SUMBER ISTINBAT HUKUM PARA ULAMA (cont)

"Ibnu Umar r.a
telah menceritakan, bahwa Rasulullah s.a.w
pernah memberi arahan penduduk Yahudi Khaibar
untuk menggarap tanahnya dengan balasan separuh
dari hasil kebun buah-buahan atau tanah
pertaniannya. (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)
"Sesiapa yang
mempunyai tanah
hendaklah dia mengusahakan dengan bercucuk tanam dan tidak ada pembahagian yang lain sama ada 1/3 ataupun ¼ dan tidak ada hak yang ditentukan"

RUKUN MUSAQAH

1. Kedua pihak yang berkontrak: Kontrak yang dibuat oleh seorang yang diharuskan berurusan dalam perkara harta adalah sah (iaitu seseorang yang berakal dan baligh)
2. Objek Musaqah: Imam Syafie mensyaratkan buah kurma dan anggur.
3. Buah: Pendapat yang terkuat bagi ulama' Syafi'i yang juga merupakan pendapat Mazhab Hanbali ialah kontrak musaqah dikira sah apabila pohnya mula berbuah meskipun belum masak.
4. Kerja: Pengurus diberi kuasa sepenuhnya ke atas kerja berkenaan.
5. Ijab dan Qabul: Ungkapan boleh dibuat oleh pihak pemilik atau pengurus.

CARA PELAKSANAAN MUSAQAH

- Pihak berwajib akan menyediakan tanah wakaf yang terbiar beserta dengan modal iaitu daripada hasil kutipan saham wakaf mahupun saham wakaf pokok.
- Pihak berwajib perlu memilih golongan miskin yang bersesuaian iaitu sihat tubuh badan dan sempurna fizikalnya untuk melaksanakan projek pertanian tersebut.
- Bila mana hasil buah boleh dituai dan dijual, maka hasil jualan tersebut boleh dibahagikan oleh pihak berwajib dengan pengusaha berdasarkan kepada nisbah perjanjian yang dipersetujui.

FAEADAH KONTRAK MUSAQAH

- Membangunkan tanah-tanah wakaf yang terbiar.
- Membantu golongan miskin untuk menjana pendapatan.
- Golongan yang tidak bernasib baik akan terbela nasinya.
- Mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni.
- Memupuk semangat ingin bekerja dikalangan golongan miskin.
- Mengeluarkan golongan yang susah daripada kancah kemiskinan yang melarat.
- Keuntungan daripada kontrak Musaqah dapat digunakan oleh golongan miskin untuk memiliki harta persendirian.
- Menjadikan golongan miskin ini sebagai penyumbang kepada sumber wakaf.

KESIMPULAN

- Dengan pengenalan wakaf pertanian yang berasaskan kontrak musaqah ini serba sedikit menjadi pemangkin ataupun penggerak kepada pembangunan wakaf di Malaysia. Ini kerana, tanah wakaf yang terbiar dapat dioptimalkan sebaik mungkin bagi menjana pendapatan yang lebih tinggi serta dapat membasmi kemiskinan yang sedia ada. Lantaran dengan pengenalan konsep ini, secara tidak langsung boleh mengatasi masalah pembangunan harta wakaf di Malaysia dan seterusnya dapat menjana ekonomi umat Islam serta pembangunan sosial ummah yang lebih baik dan berkesan pada masa hadapan.



By **MUHAMMAD
MURSYIDDIN**

cheatography.com/muhammad-mursyiddin/

Published 21st June, 2020.
Last updated 21st June, 2020.
Page 1 of 2.

Sponsored by **Readable.com**
Measure your website readability!
<https://readable.com>